

## BAB PERTAMA

### 1.0. PENDAHULUAN

Disertasi ini bertajuk “URUTAN KATA NAMA DERIVASI KECIL DAN BENTUK PEMAKAIANNYA”. Ia adalah tajuk dalam bidang morfologi yang penulis fokuskan dan membuat analisis tentang urutan kata nama derivasi kecil dan bentuk-bentuk pemakaiannya dalam bahasa Arab. Tajuk ini merupakan tajuk kajian tentang pecahan kata dalam bahasa Arab yang merangkumi kata nama dan kata kerja. Pecahan kata nama daripada kata sumber atau kata dasar ini dinamakan kata nama derivasi kecil (الاسمُ المُشتقُ ).

Dalam bahasa Arab, kata dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, *ism(un)* ( اسمُ ) iaitu kata nama , *fi 'l(un)* ( فعلُ ) iaitu kata kerja dan *harf(un)* ( حرفُ ) iaitu partikel.

Kata nama secara umumnya dibahagikan kepada dua jenis. Jenis yang pertama *Ism Jamid* (الاسمُ الجامدُ ) iaitu kata nama statik dan jenis yang kedua *Ism Musytak* (الاسمُ المُشتَقُ ), iaitu kata nama derivasi (terbitan) kecil.

Kata nama statik terbahagi kepada dua jenis, iaitu :

#### a - Kata Nama Zat

Iaitu kata nama yang merujuk kepada binatang , tumbuh-tumbuhan dan benda seperti (الأسد = singa ),

( القمح ) = gandum ) dan ( الخشب = kayu ).

### b- Kata Nama Makna.

Iaitu kata nama yang menunjukkan sesuatu makna seperti perkataan ( العلم = ilmu ), ( الحرية = kebebasan ), ( المنفعة = kemanfaatan ) dan sebagainya.

Dalam bahasa Arab kata nama derivasi kecil memainkan peranan yang penting di dalam pembinaan sesuatu ayat. Boleh dikatakan dalam setiap ayat bahasa Arab terkandung kata nama derivasi kecil sebagai kata yang menjadi pelengkap kepada ayat. Oleh itu, kajian ini adalah perlu bagi memahami dan memudahkan penggunaannya di dalam ayat bahasa Arab.

## 1.1. PERMASALAHAN

Pelajar-pelajar bahasa Arab tidak dapat memahami bahasa Arab dengan betul disebabkan faktor - faktor yang menghalang mereka ke arah pemahaman tersebut. Antaranya ialah faktor kelemahan mereka dalam memahami proses-proses derivasi bahasa Arab. Bahasa Arab boleh dikatakan bahasa yang sangat sinonim dengan derivasi, samada derivasi kecil, derivasi besar dan derivasi terbesar. Tetapi yang paling sinonimnya ialah derivasi kecil. Penulis cuba mengkaji tentang derivasi kecil dari sudut kata nama, kerana ianya banyak berlaku dalam bahasa Arab.

Hasil kajian yang dibuat secara rambang oleh penulis terhadap pelajar-pelajar sekolah Menengah Ugama ( Arab ) Banggol Kulim , Rantau Panjang ,dan SMU(A) Al Sabirin Ayer Lanas Jeli Kelantan, di mana kedua-dua sekolah tersebut adalah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan, mendapati masih ramai pelajar yang tidak dapat memahami dan tidak boleh membezakan di antara urutan-urutan kata nama derivasi kecil dalam bahasa Arab.

Daripada penelitian yang dibuat oleh penulis mengenai permasalahan-permasalahan tersebut adalah disebabkan oleh :

- a - Pelajar kurang membaca dan tidak banyak mempunyai perbendaharaan kata bahasa Arab.
- b- Mereka bergantung kepada hafalan semata-mata dan tidak cuba mengkaji dan memahami bentuk ayat yang dihafal.
- c- Bahasa Arab mempunyai terlalu banyak derivasi dan pecahan kata , sehingga beratus - ratus malah beribu - ribu bentuk perubahan kata.
- d- Tidak boleh membezakan di antara urutan - urutan kata nama derivasi kecil ,terutama di antara KN Pelaku dengan KN Objek yang bukan daripada KK triliteral.
- e- Tidak dapat memahami konteks makna kata nama derivasi kecil yang wujud di dalam sesuatu ayat dengan baik.

- f- Tidak dapat merujuk kembali kata nama derivasi kecil kepada kata sumber atau kata dasarnya.
- g- Lemah dalam memahami bentuk pemakaian kata nama derivasi kecil di dalam sesuatu ayat.

Menyedari hakikat inilah penulis merasakan penerokaan ke arah kajian ini adalah amat perlu dilakukan agar dapat menyelesaikan sebahagian dari permasalahan tersebut.

## 1.2. HEPOTESIS DAN OBJEKTIF KAJIAN.

Bahasa Arab boleh digolongkan sebagai bahasa Inflektif (اللغة المُعْلَّمة) atau bahasa derivasi (اللغة الإِسْتِقَاقِيَّة). Di mana perkataan sumber boleh mengalami proses infleksi dan derivasi untuk membentuk atau menerbitkan perkataan baru dengan makna yang berkaitan dan fungsi nahuhan yang berbeza.

Kata nama derivasi kecil adalah terbitan daripada proses-proses infleksi dan derivasi tersebut. Oleh itu kajian tentang urutan kata nama derivasi kecil dan bentuk-bentuk pemakaianya adalah fokus utama kajian ini dengan tekad mencapai objektif-objektif berikut :

- a- Mengenalpasti punca-punca kelemahan dan kesalahan

pemakaian kata nama derivasi kecil di dalam bahasa Arab.

- b- Menentukan pemakaian kata nama derivasi kecil di dalam ayat serta pemahaman makna dengan baik.
- c- Pelajar dapat menentukan pemakaian kata timbang dalam urutan kata nama derivasi kecil dengan betul , serta dapat membezakan di antara kata nama-kata nama tersebut.
- d- Mengemukakan kedudukan kata nama derivasi kecil di dalam ayat serta hubungan makna dalam konteks ayat.

### **1.3. SKOP DAN KAEDAH KAJIAN**

Dalam skop kajian ini , penulis menumpukan kepada tiga aspek iaitu :

1.3.1. Tumpuan kepada kata kerja yang mempunyai kaitan secara langsung dengan kata nama derivasi kecil, kerana kata kerja bukan sahaja mempunyai makna denotatif malah mempunyai juga unsur-unsur makna konotatif dan makna kandungan. Contohnya perkataan ( ضَرَبَ ) bukan sahaja memberi makna **pukul** malah ianya mempunyai makna kandungannya yang dapat difahami ialah jantina “ Maskulin ”, bilangannya “satu”, gantinamanya “ dia ” ,masa “lampau” dan sebagainya.

1.3.2. Kajian dibuat berdasarkan kata nama derivasi kecil, bahagian-bahaginnya serta perubahan-perubahan yang berlaku daripada kata sumbernya.

1.3.3. Kajian dilakukan terhadap bentuk pemakaian dan kedudukan kata nama (KN) derivasi kecil di dalam ayat.

1.3.4. Kajian ini dibuat secara kaedah introspeksi budaya berfikir bahasa Melayu ke atas bahasa Arab . Oleh itu, banyak pendekatan dan huraian yang dibuat tentang bahasa Arab menggunakan proses perbandingan dengan bahasa Melayu.

Perlu disebutkan di sini, bahawa fokus pemakaian kata nama derivasi kecil dan kedudukannya di dalam ayat hanya ditumpukan kepada KN pelaku, KN Objek dan KN Perbandingan sahaja. Tumpuan ini dibuat kerana ketiga-tiga jenis kata nama ini sering berlaku dan kerap hadir di dalam ayat. Maka kajian terhadapnya adalah perlu demi untuk menjaga daripada berlaku kesalahan pemakaian kata nama - kata nama tersebut oleh pengguna bahasa Arab.

Kajian ini akan dilakukan dengan membuat penelitian perpustakaan dan menggunakan kaedah rujukan. Penerangan dibuat berdasarkan kepada contoh-contoh perkataan dan ayat yang biasa digunakan di dalam bahasa Arab.

Istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini ada dua jenis. Pertama, istilah yang biasa digunakan dalam tata bahasa Arab, tanpa diterjemahkannya demi menjaga keasliannya. Kedua, istilah yang telah diterjemahkan yang mempunyai padanan dalam linguistik am, bertujuan untuk

memudahkan para pembaca yang tidak memahami bahasa Arab. Bagi penulis, kedua-duanya mempunyai kepentingan yang sama.

#### **1.4. RANGKA KAJIAN.**

Rangka kajian ini adalah seperti berikut :

##### **Bab Pertama.**

Bab ini adalah pengenalan kepada kajian yang akan dilakukan iaitu berkaitan dengan permasalahan kajian, skop kajian, tujuan dan sebagainya.

##### **Bab Kedua.**

Bab ini menerangkan definisi morfologi mengikut pandangan sarjana morfologi dan menerangkan tahap –tahap perkembangan morfologi Arab. Dalam bab ini juga diperjelaskan tentang morfem, kata timbang dan proses pembentukan kata bahasa Arab serta kajian – kajian tentang kata kerja dan perkara – perkara yang berkaitan dengannya.

##### **Bab Ketiga :**

Bab ini adalah menerangkan tentang definisi derivasi, kepentingannya, bahagian – bahagiannya dan tujuan – tujuannya.

#### **Bab Keempat :**

Bab ini merupakan fokus kajian tentang kata nama derivasi kecil yang mengkaji secara detil berkaitan dengan kata nama Pelaku, kata nama Objek dan kata nama Perbandingan dari aspek definisi, cara pembentukan dan perkara yang berkaitan dengan pemakaiannya dalam bahasa Arab. Penulis juga menengahkan baki urutan kata nama derivasi kecil yang terdiri daripada Objektif kekal, kata nama Hiperbola, kata nama Masa / kata nama Tempat dan kata nama alat Urutan kata nama derivasi kecil tersebut adalah bukan menjadi fokus kepada kajian desertasii ini malah ia diperkenalkan secara sepintas lalu sebagai pengenalan awal mengenai urutan kata nama derivasi kecil yang kurang popular pemakaiannya dalam struktur ayat bahasa Arab.

#### **Bab Kelima :**

Bab ini adalah bab yang berkaitan dengan rumusan – rumusan kajian yang telah dilakukan dan mengemukakan cadangan – cadangan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul.